

Tindakan USIM wujudkan perpustakaan mini dipuji



Perpustakaan mini berbentuk rumah Minangkabau di USIM.

Sebagai seorang mahasiswa, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kerana mewujudkan *Little Free Library* (LFL) atau perpustakaan mini di sekitar kawasan kampus.

LFL diasaskan Todd Bol dan Rick Brooks pada Mei 2012 bertujuan memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat dengan membina sebuah rumah kecil bagi menempatkan bahan bacaan bagi orang awam.

Empat LFL disediakan di kampus USIM yang mempunyai reka bentuk rumah Minangkabau dan ditempatkan di bangunan Canselor, kolej kediaman, kawasan perpustakaan serta perhentian bas.


Perpustakaan Mini sebegini perlu diperluas di setiap institusi pengajian untuk meningkatkan minat membaca dan menambah ilmu pengetahuan dalam kalangan

pelajar selain dapat berkongsi pelbagai jenis bahan bacaan ilmiah. Sudah pasti dengan penubuhan perpustakaan mini ini ia menarik minat dan perhatian pelajar kerana di mana-mana sahaja mereka boleh membaca.

Perluas perpustakaan mini

Justeru, saya ingin mencadangkan agar penubuhan perpustakaan mini ini tidak hanya bertumpu di kawasan universiti, sebaliknya diperluaskan meliputi kawasan tumpuan orang ramai seperti di taman rekreasi, kawasan perumahan dan kompleks membeli-belah. Ia adalah satu langkah bijak untuk menarik perhatian masyarakat agar sering membaca dan berlumba dalam menambah ilmu pengetahuan.

Sesungguhnya kejayaan sesuatu bangsa dan masyarakat itu bukan diukur dari aspek harta benda dan wang ringgit tetapi tingginya tahap ilmu pengetahuan.

 **Rabiatuladawiyah Ridzuan,**
Kuala Kangsar, Perak